

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Malaysia
MADANI.

Yang Berusaha Encik Mohd Najib Mohd Sarif
Pengarah
Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA
Jabatan Pendidikan Tinggi

Yang Berbahagia Profesor Dr. Ismi Arif Ismail
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Induk Jom Masuk U 2024 Zon Tengah 2 UPM

~~Yang Berbahagia Pengarah Universiti~~

Yang Berbahagia Naib Canselor, Rektor, Presiden
Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta

Pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
Pegawai-pegawai Universiti Putra Malaysia

Tuan-Tuan, Puan-Puan serta para pelajar yang dihormati sekalian,



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' PROF. DR. AHMAD FARHAN MOHD SADULLAH
NAIB CANSOLOR UPM**

SEMPENA:

**PROGRAM JOM MASUK U 2024
ZON TENGAH II
DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

TARIKH/MASA:

12 MEI 2024 (AHAD)

LOKASI:

**DEWAN BESAR, PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAAN SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Malaysia
MADANI.

Yang Berusaha Encik Mohd Najib Mohd Sarif

Pengarah

Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi
~~Jabatan Pendidikan IPTA~~

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismi Arif Ismail

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Induk Jom Masuk U 2024 UPM

Ahli Lembaga Pengarah Universiti

Yang Berbahagia Naib Canselor, Rektor, Presiden

Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta

Pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

Pegawai-pegawai Universiti Putra Malaysia

Tuan-Tuan, Puan-Puan serta para pelajar yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas perkenan dan kurnia-Nya, program pada hari ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada setiap individu yang hadir di Universiti Putra Malaysia pada hari ini untuk menyertai Program Jom Masuk U Zon Tengah 2024.

2. UPM amat berbesar hati atas pelantikan UPM sebagai Rakan Strategik Kementerian bagi menjadi tuan rumah kepada satu acara yang penting, Jom Masuk U 2024, yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan keilmuan generasi muda untuk membentuk masa depan negara yang cemerlang.

3. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Mohd Najib Bin Mohd Sarif Pengarah Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA dan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi kerana telah melapangkan masa menyertai kita semua pada hari ini dan memilih UPM selaku tuan rumah program pada hari ini. Sokongan dan komitmen Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi terhadap kemajuan pendidikan di Malaysia menjadi inspirasi kepada kita semua. Ini jelas dapat dilihat melalui amanat tahun baharu 2024 yang menyokong kepada kewujudan ekosistem pendidikan tinggi yang “segar” dan kondusif untuk berdaya maju. Yang Berhormat Menteri juga telah memberi penekanan kepada lima (5) fokus utama KPT , iaitu:

- Pertama, Penyediaan Bakat Terbaik Negara;
 - Kedua, Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi;
 - Ketiga, Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu;
 - Keempat, Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan
 - Kelima, Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.
4. Inisiatif ini memerlukan permuafakatan semua pemegang taruh, untuk sama-sama bergerak bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan tinggi negara melalui pelbagai proses penambahbaikan, merungkai kekangan dan halangan, demi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi baik di rantau ini atau pada peringkat global, InsyaAllah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (UPU) atas kerjasama dan sokongan yang sangat berharga dalam menganjurkan acara ini. Komitmen pihak UPU dalam menyediakan peluang kepada generasi muda untuk melengkapkan pendidikan tinggi adalah sangat penting dalam menjayakan gagasan Malaysia Madani, dan kami berterima kasih atas kerjasama yang telah menjadikan program ini menjadi kenyataan.

6. Kepada semua institusi yang menyertai pameran, dan pihak berkepentingan, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sumbangan anda kepada program ini. Kehadiran dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan adalah penting dalam mencipta platform bagi pelajar untuk meneroka pilihan pendidikan mereka dan merancang masa depan dengan landskap pendidikan yang pelbagai dan fleksibel. Saya percaya program sebegini merupakan asas kepada kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai kerangka akademik dan penyelidikan yang boleh kita laksanakan bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Marilah kita mengukuhkan semula komitmen kita untuk menyediakan akses yang lebih luas kepada pendidikan berkualiti untuk semua. Pendidikan bukan sekadar alat untuk mendapatkan ilmu; ia adalah hak asasi manusia dan komponen pemboleh daya bagi transformasi sosial dan ekonomi. Dengan melabur dalam pendidikan, kita melabur dalam masa depan negara kita, memastikan setiap individu mempunyai peluang untuk mencapai potensi penuh mereka dan menyumbang secara bermakna kepada masyarakat dan negara. Tidak cukup rasanya untuk kita selaku generasi kepimpinan akademik sekadar untuk mengingatkan generasi muda atau belia tentang ancaman, cabaran dan risiko masa depan, tetap menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mempersiapkan para belia dengan segala kemahiran, pengetahuan dan kekuatan bagi menghadapi semua itu secara efektif.

8. Dalam dunia yang pesat dengan kemajuan dan teknologi pada masa kini, pencarian ilmu bukan lagi satu kemewahan tetapi menjadi satu keperluan yang mendesak. Pada saat kita berdiri dalam cabaran tanpa batas, kita harus mengambil perhatian konsep 'Iqra' yang menyeru kita untuk membaca, mencari ilmu, dan memperkaya minda kita dengan kefahaman, realiti serta cabaran semasa dan masa depan. Sama seperti perkataan pertama yang diwahyukan kepada junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menekankan kepentingan pembelajaran, begitulah juga pendidikan berterusan di institusi-institusi pendidikan tinggi berperanan sebagai pemudah cara, taman ilmu untuk membimbing masyarakat menuju kepada kesejahteraan, dan kualiti hidup yang cemerlang dan seimbang. Melalui pilihan pembelajaran yang fleksibel serta program disesuaikan dengan keperluan industri (*tailored programme*), kita berusaha untuk "menjangkau sehabis tangan" setiap individu untuk memulakan perjalanan pendidikan tinggi masing-masing. Mari kita memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat, kerana dalam usaha mencari ilmu, kita membuka masa depan yang lebih cerah bagi diri kita sendiri dan yang paling penting, untuk kita wariskan kepada generasi-generasi yang akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. UPM komited dalam bidang nie iaitu keterjaminan makanan dan pertanian. Ia merupakan DNA kepada UPM yang dibangunkan dari Sekolah Pertanian pada 21 Mei 1931, Kolej Pertanian pada 23 Jun 1947 dan sebagai Universiti Pertanian pada tahun 1971. Ia telah dijenamakan sebagai Universiti Putra Malaysia pada 3 April 1997. Melalui tema AI (Artificial Intelligence) dan Keterjaminan Makanan, UPM menawarkan pelbagai peringkat pengajian berkaitan keterjaminan makanan sejajar dengan peranan dalam bidang nie UPM. Bidang ini amat penting bagi menyokong kesejahteraan rakyat, dan usaha kerajaan dalam menguruskan sumber makanan negara. Tanpa pengisian pengetahuan melalui program akademik dan penyelidikan, negara bakal menghadapi risiko keterjaminan makanan dan meningkatkan kebergantungan kepada hasil import. Selain program dan pengisian pendidikan tinggi, UPM selaku tuan rumah, turut menyajikan pelbagai pilihan kepada para pengunjung untuk merasai kehidupan kampus dengan menyediakan produk hasil pertanian, lawatan ke edupark UPM dan pelbagai lagi untuk dirasai oleh tuan-tuan dan puan-puan. Kita ada sesi lawatan ke Muzium Warisan Melayu, Muzium Anatomi Haiwan dan Muzium Anatomi Manusia, dan Taman Herba atau Taman Konservatori Pertanian serta banyak lagi yang boleh dikunjungi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Sebagai penutup, saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak BKPA, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas kesudian memilih UPM sebagai tuan rumah program Jom Masuk U @ UPM pada hari ini. Terima kasih tidak terhingga kepada semua rakan IPT dan rakan Strategik pendidikan tinggi yang hadir pada hari ini. Semoga Program Jom Masuk U ini menjadi inspirasi bagi generasi muda kita, membimbing mereka ke arah masa depan yang penuh yang cemerlang.

Dengan Lafaz **BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**, saya melancarkan program Jom Masuk U, Universiti Putra Malaysia Zon Tengah 2 pada edisi kali ini.

Wassalamualaikum, dan terima kasih.